

R B818 DEB
MAHATHIR-PADU

1985
JITRA, 8 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENYERU UMAT ISLAM MENJAGA PERPADUAN DEMI KEBAIKAN MEREKA.

KATANYA, ANGGOTA-ANGGOTA MASYARAKAT YANG MEMPUNYAI FAHAMAN POLITIK YANG BERBEZA TIDAK HARUS MENJADIKAN ITU UNTUK MENIMBULKAN PECAH-BELAH DALAM MASYARAKAT.

BELIAU BERKATA DI MAJLIS NUZUL QURAN DI KAMPUNG PADANG GELAM DEKAT SINI, KALAU ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU MEMBUAT TUDUHAN LIAR TERHADAP SESUATU GOLONGAN, PIHAK YANG KENA TUDUH ITU JANGANLAH BERTINDAK BALAS.

SEBALIKNYA, MEREKA HARUS BERJUMPA DAN MENERANGKAN PERKARA YANG SEBENAR KEPADA MEREKA YANG MEMBUAT TUDUHAN ITU.

+INILAH KEHENDAK ISLAM DAN HARUS MENJADI PEGANGAN SETIAP UMAT ISLAM DEMI KEBAIKAN DAN MEMELIHARA PERPADUAN UMAT, + KATANYA. --LAGI
2311MST 08 06 85

MAHATHIR-PADU 2 JITRA

KATANYA, PENDUDUK ISLAM NEGARA INI AMAT BERTUAH KERANA DAPAT HIDUP DENGAN TENANG DAN MENJALANKAN IBADAH PUASA DALAM SUASANA YANG HARMONI DAN MERIAH BERBANDING DENGAN SAUDARA-SAUDARA SEAGAMA MEREKA DI TEMPAT-TEMPAT LAIN.

MENGENAI UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATKAN SEMUA PIHAK YANG BERTELAGAH ATAU BERSELISIH FAHAM MENYELESAIKANNYA SECARA RUNDINGAN.

BELIAU KESAL TENTANG SETENGAH-SETENGAH PIHAK YANG MEMBAWA PERSELISIHAN PARTI KE MAHKAMAH DAN BERHARAP MEREKA MENYELESAIKAN PERSELISIHAN ITU MELALUI ORANG TENGAH. --BERNAMA
2317MST 08 06 85